

|            |  |             |                     |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline   | Fama galak budaya berniaga dalam kalangan orang Melayu |             |                     |
| MediaTitle | Sinar Harian (Selatan)                                 |             |                     |
| Date       | 03 Jun 2018  | Color       | Full Color          |
| Section    | News   | Circulation | 160,000             |
| Page No    | 26   | Readership  | 509,000             |
| Language   | Malay  | ArticleSize | 174 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A  | AdValue     | RM 1,219            |
| Frequency  | Daily  | PR Value    | RM 3,657            |



Peniaga muda perlu rebut peluang diberikan oleh Fama dengan mulakan perniagaan di pasar tani Kuala Pilah.

## ***Fama galak budaya berniaga dalam kalangan orang Melayu***

**KUALA PILAH** - Fama Negeri Sembilan telah membuka ruang dan peluang memperkasakan budaya berniaga dalam kalangan orang Melayu.

Adun Pilah, Nazaruddin Sabtu berkata, sudah terbukti Fama banyak membantu golongan Melayu menceburi bidang perniagaan selain menjana pendapatan.

“Kebanyakan pasar tani dimonopoli oleh orang Melayu dan ia satu perkara perlu diberi perhatian dan diteruskan dari semasa ke semasa.

“Sambutan juga sangat menggalakkan kerana Fama telah menyediakan pasaran alternatif kepada pengguna untuk mendapatkan barangan pada harga lebih terkawal,” katanya.

Menurutnya, menggalakkan generasi muda menceburi bidang perniagaan meskipun dalam skala modal kecil.

“Walaupun berniaga secara kecil-kecilan, ia adalah satu platform untuk berjaya dan mulakan dengan berniaga di pasar tani kerana ia menjanjikan pelbagai kelebihan serta manfaat,” katanya.